

06/08/1998

PM mahu temasya berjalan sempurna

Lukman Salleh

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu penganjuran Sukan Komanwel XVI sentiasa berada dalam keadaan sempurna.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Perdana Menteri mengeluarkan arahan itu dalam mesyuarat Kabinet semalam.

"Perdana Menteri mahu tahap penganjuran Sukan Komanwel berada dalam keadaan tertinggi dan sempurna.

"Kementerian dan Sukom '98 (Sukom Ninety Eight Berhad) akan memberi perhatian mengenai perkara itu dan akan memastikan penganjuran berjalan dalam keadaan sempurna," kata Muhyiddin dalam sidang akhbar selepas perjumpaan dengan ketua-ketua sukarelawan Nadi '98 di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil, semalam.

Dalam mesyuarat itu juga Muhyiddin membentangkan laporan promosi dan Kabinet mengarahkan supaya usaha itu digandakan walaupun sudah wujud kerjasama jitu dengan beberapa agensi.

"Jemaah menteri memutuskan supaya diiklankan lebih banyak lagi acara yang harus dilakukan oleh Sukom '98 dan juga diiklankan mengenai penyertaan negara-negara terbabit serta atlit ternama yang akan tiba.

"Sekarang, kita akan juruskan kepada berita bukan mengenai Sukan Komanwel, tapi lebih kepada acara sukan, penyertaan atlit, jadual dan gelanggannya. Kita akan minta Sukom '98 perhebatkan lagi," kata Muhyiddin.

Sukan Komanwel akan menyaksikan lebih 6,000 atlit bertanding dalam temasya kedua terbesar selepas Sukan Olimpik.

Dengan semua gelanggang sudah disiapkan serta diuji, kecuali kehadiran atlit, Malaysia sudah bersiap sedia memastikan temasya kali ini muncul yang terbaik dan paling meriah pernah dianjurkan.

Dalam pertemuan dengan sukarelawan Nadi '98, dia meminta sukarelawan yang berdepan masalah mendapat pelepasan cuti, memaklumkan kepada pihak penganjur secepat mungkin.

Ini bagi membolehkan langkah segera diambil untuk memaklumkan majikan terbabit supaya pelepasan dapat diberikan kepada pekerja mereka yang menjadi sukarelawan.

Beberapa sukarelawan membangkitkan masalah pelepasan cuti daripada majikan kerana ada yang menghadapi masalah untuk mendapatkannya dan mencadangkan supaya Perdana Menteri membuat kenyataan supaya majikan memberikan pelepasan cuti.

"Saya minta sukarelawan sama ada awam ataupun swasta yang menghadapi masalah mendapat pelepasan cuti supaya memaklumkan kepada Sukom '98 segala butiran supaya langkah segera dapat diambil.

"Bagi kakitangan kerajaan, mereka tidak menghadapi masalah kerana pekeliling sudahpun dikeluarkan untuk memberikan pelepasan cuti," katanya.

Selain pelepasan cuti, sukarelawan Nadi '98 turut mendapat tiket percuma dan menggunakan perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (Star) dan komuter untuk ke Kompleks Sukan Negara (KSN) di Bukit Jalil ketika menjalankan tugas.

Dalam pertemuan itu Muhyiddin meminta sukarelawan bekerja cepat serta memastikan penganjuran Sukan Komanwel berjalan lancar.

(END)